

Fokus aksi Sukan SEA

■ Zaidatul enggan terlalu fikir mengenai isu rekod, anggap bukan rezeki jika catatan diciptanya Mac lalu tidak diiktiraf

Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelari pecut 100 meter wanita negara, Zaidatul Husniah Zulkifli tidak mahu terlalu me-

mikirkan mengenai status rekod kebangsaan 11.45 saat yang diciptanya Mac lalu kerana ada misi lebih penting yang perlu diberi perhatian.

Menurut pelari dari Alor Setar itu, apa yang penting ketika ini adalah untuk fokus kepada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur Ogos ini.

"Saya tidak mahu terlalu memikirkan sangat mengenai perkara itu.

"Jika ia tidak di-

iktiraf mungkin bukan rezeki saya dan saya akan cuba lagi untuk buat yang terbaik selepas ini.

"Tapi saya percaya itu adalah rekod dan ramai yang melihat video saya berlari dan mereka boleh nilai sendiri mengenai perkara itu," katanya.

Terdahulu, Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) mengumumkan status rekod Zaidatul kini 'tergantung' dan masih belum boleh diiktiraf sebagai rekod kebangsaan selepas tidak

menerima sebarang pengesahan daripada penganjur Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan.

Mengukuhkan keadaan itu, catatan masa yang dilakukan oleh Zaidatul juga tidak terdapat dalam senarai Persekutuan Olahraga Amatur Antarabangsa (IAAF).

Tegas Zaidatul, buat ketika ini dia menyerahkan saja perkara itu kepada mereka yang bertanggungjawab.

"Jika ia tidak diiktiraf mungkin bukan rezeki saya Zaidatul Husniah Zulkifli"

Kuala Lumpur:

Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) Datuk Karim Ibrahim berang de-

ngan sikap sambil lewa penganjur Kejohanan ASA Speed Series 2 di Bloemfontein, Afrika Selatan.

Perkara itu akan menyebabkan status rekod 100 meter milik Zaidatul Husniah Zulkifli menjadi tanda tanya dan hingga kini belum boleh disahkan sebagai rekod kebangsaan.

Bagaimanapun beliau yang juga anggota majlis individu dalam Persatuan Olahraga Asia (AAA) berkata, perkara

Mahu selesai kemelut secepat mungkin

itu akan cuba diselesaikan secepat mungkin bagi memastikan status rekod tidak tergantung terlalu lama.

"Saya akan ke Kejohanan Dunia Ogos depan untuk bertemu Persekutuan Olahraga Amatur Antarabangsa (IAAF).

"Selepas tamatnya kejohanan itu saya akan memaklumkan kepada semua sama ada rekod Zaidatul diiktiraf atau tidak," katanya.

Mac lalu Olimpian negara itu membuktikan dirinya

wanita terpanas di Malaysia selepas memecahkan rekod kebangsaan berusia 24 tahun.

Atlet dari Alor Setar itu mencatat 11.45 saat untuk memadamkan rekod lama 11.50s milik G Shanti yang dilakukannya pada aksi Pra-Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

Bagaimanapun timbul persoalan apabila catatan masa itu tidak berada dalam senarai IAAF.

